



JABATAN TAMAN LAUT  
MALAYSIA

# KOMPENDIUM DATA DAN MAKLUMAT ASAS **2015-2016**







Hak cipta terpelihara dan kandungannya termasuk maklumat, teks, imej dan grafik, susunannya serta bahan-bahannya ialah kepunyaan Jabatan Taman Laut Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Tiada mana-mana bahagian kompedium ini boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindahkan, dijudualkan atau diuruskan bagi tujuan komersial dalam apa bentuk tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada Jabatan Taman Laut Malaysia.

Diterbitkan Oleh :

**JABATAN TAMAN LAUT MALAYSIA  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

Aras 11, Wisma Sumber Asli

No.25 Persiaran Perdana

62574 Putrajaya



: +603-8886 1111 (am NRE)



: +603-8886 1379 (am JTLM)



: 03-8888 0489


[www.dmpm.nre.gov.my](http://www.dmpm.nre.gov.my)



# KOMPENDIUM

DATA DAN MAKLUMAT ASAS

## 2015-2016





## KATA-KATA ALUAN KETUA PENGARAH

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

Syukur Alhamdulillah kerana dengan izin NYA Kompendium Data dan Maklumat Asas JTLM 2015-2016 dapat diterbitkan sebagai rujukan dan panduan kepada pengguna bagi mendapatkan maklumat dan data khusus mengenai Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM). Kompendium ini mengandungi maklumat dan data sehingga tahun 2016 bagi memudahkan pencarian dan perkongsian maklumat secara cepat dan tepat.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan kepada semua warga Jabatan yang telah memberi kerjasama dengan menyumbang idea dan tenaga dalam penerbitan kompedium ini.

Akhir kata, saya berharap agar kompendium ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin oleh semua pengguna.




A handwritten signature in black ink, which appears to read 'Sukarno Bin Wagiman'.

**Dato' Dr Sukarno Bin Wagiman**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Taman Laut Malaysia



## SINGKATAN NAMA

<b>APMM</b>	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
<b>b.n</b>	Batu nautika
<b>BOBLME</b>	Bay of Bengal Large Marine Ecosystem
<b>CBD</b>	Convention on Biological Diversity
<b>CEPA</b>	Communication, Education and Public Awareness
<b>COT's</b>	Crown of Thorns
<b>CTI</b>	Coral Triangle Initiative
<b>FAO</b>	Food and Agriculture Organization
<b>FPA</b>	Fisheries Prohibited Area
<b>FRI</b>	Fisheries Research Institute
<b>GEF</b>	Global Environment Facility
<b>JAS</b>	Jabatan Alam Sekitar
<b>JTLM</b>	Jabatan Taman Laut Malaysia
<b>MRSA</b>	Malaysian Remote Sensing Agency
<b>MBN</b>	Majlis Biodiversiti Negara
<b>MEAT</b>	Management Effectiveness Assesment Tools
<b>MNS</b>	Malaysia Nature Society
<b>MOSTI</b>	Ministry of Science, Technology and Innovation
<b>NOAA</b>	National Oceanic and Atmospheric Administration
<b>MNRE</b>	Ministry of Natural Resources Environment
<b>SEAFDEC</b>	Southeast Asian Fisheries Development Center
<b>TEV</b>	Total Economic Value
<b>UIAM</b>	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
<b>UITM</b>	Universiti Teknologi Mara
<b>UKM</b>	Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>UMT</b>	Universiti Malaysia Terengganu
<b>UPM</b>	Universiti Putra Malaysia
<b>USM</b>	Universiti Sains Malaysia
<b>UTM</b>	Universiti Teknologi Malaysia
<b>UUM</b>	Universiti Utara Malaysia
<b>YAB</b>	Yang Amat Berhormat
<b>YB</b>	Yang Berhormat



# SIDANG PENGARANG

## PENAUNG

- Dato' Dr Sukarno Bin Wagiman

## PENASIHAT

- Tuan Haji Wan Muhammad Aznan Bin Abdullah

## KETUA PENYUNTING

- Lim Ai Gaik

## PENYUNTING

- Mohamad Anuar Bin Roslan
- Noor Ikhwanie Binti Zainal
- Noor Fajariah Binti Ab. Hamid
- Asma Binti Mat Soh




# SENARAI KANDUNGAN

► Kata-kata Aluan Ketua Pengarah	i
► Singkatan Nama	ii
► Sidang Pengarang	iii
► Senarai Kandungan	iv
<b>1 PENGENALAN</b>	<b>2</b>
► Visi	3
► Misi	3
► Objektif	4
► Fungsi	4
► Logo	5
► Kronologi Penubuhan dan Peristiwa Penting Jabatan Taman Laut Malaysia	6
<b>2 PUNCA KUASA</b>	<b>10</b>
► Akta Perikanan 1985 (Akta 317)	11
► Perintah Fi (Taman Laut Malaysia) 2017	13
► Perintah Penubuhan Taman Laut [P.U (A) 121/1998], [P.U (A) 306/2000], [P.U (A) 33/2008] Dan [P.U (A) 260/2012]	17
<b>3 PELAN STRATEGIK (2011-2015)</b>	<b>20</b>
<b>4 SUMBER MANUSIA</b>	<b>24</b>
► Perjawatan Jabatan Taman Laut Malaysia	25
► Carta Organisasi	30
► Peranan Bahagian di Ibu Pejabat	31
<b>5 PERUNTUKAN DAN PRESTASI PERBELANJAAN</b>	<b>34</b>
► Peruntukan dan Perbelanjaan Peruntukan Mengurus	35
► Fi Pemuliharaan dan Perbelanjaan Tabung Amanah Taman Laut dan Rizab Laut	36
► Peruntukan dan Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan	36
<b>6 KERJASAMA DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA</b>	<b>40</b>
► Coral Triangle Initiative (CTI)	41
► Bay of Bengal Large Marine Ecosystem Project (BOBLME)	43
► Convention on Biological Diversity (CBD)	44
► International Coral Reef Initiative (ICRI)	48



<b>7</b>	<b>PENGURUSAN TAMAN LAUT</b>	<b>50</b>
▶	Pengurusan Kawasan Perlindungan Marin di Malaysia	51
▶	Maklumat Pulau Taman Laut	52
▶	Kawasan Perlindungan Marin di Sabah dan Sarawak	58
▶	Status Kawasan Perlindungan Marin di Malaysia	59
▶	Aktiviti Dibenarkan dan Dilarang di Taman Laut	60
▶	Pusat Taman Laut dan Tahun Mula Beroperasi	61
▶	Pengunjung Taman Laut	62
▶	Peranti Pemuliharaan Biodiversiti Di Taman Laut	64
▶	Boya Penambat dan Boja Penanda Kawasan Di Taman Laut	73
▶	Pengusaha Pelancongan di Pulau Taman Laut	78
▶	Tapak Sulaiman Mahkota Berduri (Crown Of Thorns Starfish)	83
<b>8</b>	<b>PEMANTAUAN DAN PENYELIDIKAN</b>	<b>86</b>
▶	Pemantauan Tahap Kesihatan Terumbu Karang	87
▶	Inventori Spesies Karang Semenanjung Malaysia	90
▶	Inventori Spesies Timun Laut	97
▶	Projek Restorasi Karang	99
▶	Kajian Total Economic Value (TEV) di Taman Laut	99
▶	Penyelidikan di Taman Laut	100
▶	Penilaian Tahap Keberkesanan Pengurusan Taman Laut	116
<b>9</b>	<b>PENGUATKUASAAN DI TAMAN LAUT</b>	<b>120</b>
▶	Maklumat Bot Jabatan	121
▶	Data Penguatkuasaan di Taman Laut	123
<b>10</b>	<b>PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN AWAM</b>	<b>128</b>
<b>11</b>	<b>PENERBITAN JABATAN</b>	<b>132</b>
<b>12</b>	<b>ALAMAT PEJABAT</b>	<b>136</b>











# PENGENALAN

---



# PENGENALAN

## VISI

Pengurusan Biodiversiti Marin Secara Lestari bagi Menjamin Sumber yang Berkekalan untuk Kepentingan Sejagat

## MISI

Mengurus Biodiversiti Marin Secara Saintifik untuk Kesejahteraan Rakyat dan Negara

## OBJEKTIF

- Untuk memulihara dan melindungi kepelbagaian biologi marin dan habitatnya
- Untuk membaik pulih dan memulihara habitat semula jadi spesies akuatik yang terancam
- Untuk mewujudkan zon-zon pengurusan bagi pemuliharaan flora dan fauna akuatik
- Untuk mewujudkan zon-zon rekreasi yang sejajar dengan daya tampungannya
- Untuk menguruskan dan membangunkan keupayaan di dalam kesedaran awam

## FUNGSI



Mengurus, memulihara, melindungi biodiversiti marin



Membaik pulih habitat marin yang rosak



Memulihara dan mengurus hidupan marin terancam



Menjalankan dan menggalakkan penyelidikan biodiversiti marin



Menguatkuasa akta dan peraturan yang berkaitan dengan Taman Laut



Mengawal selia aktiviti rekreasi dan lain-lain aktiviti di perairan Taman Laut



Meningkatkan kesedaran awam mengenai ekosistem marin



Menyediakan khidmat nasihat dan kepakaran mengenai ekosistem marin

## LOGO JTLM



### BULATAN BIRU MUDA

Laut yang lebih bersih dan terpelihara, menjadikannya sebagai satu sasaran jabatan ini. Berada dalam 'Bulatan Biru Gelap', mencerminkan ianya adalah di dalam jagaan Jabatan Taman Laut Malaysia.

### BULATAN BIRU GELAP

Melambangkan perpaduan di antara anggota Jabatan Taman Laut Malaysia dalam usaha menjaga kesejahteraan maritim negara ini.

### GELOMBANG PUTIH

Satu mewakili pergerakan jabatan ini dan satu lagi mewakili kemajuan negara yang akan sentiasa bergerak seiring dalam menjanjikan masa depan yang lebih gemilang. Warna putih melambangkan kesucian dan ketelusan jabatan dan negara ini dalam memelihara kepentingan sumber marinnya.

# KRONOLOGI PENUBUHAN DAN PERISTIWA PENTING JABATAN TAMAN LAUT MALAYSIA

Jadual 1: Kronologi Mengikut Tahun

## 1983

- Penubuhan kawasan perlindungan marin di Semenanjung Malaysia di bawah Jabatan Perikanan Malaysia atas arahan mantan Y.B Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.
- Peraturan-peraturan Perikanan (Kawasan Larangan) digubal di bawah Akta Perikanan 1963.
- Pulau Redang, Terengganu telah diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan Perikanan – Fisheries Prohibited Area (FPA).



## 1985

- Pengisytiharan 22 buah pulau bagi negeri Kedah, Terengganu, Pahang dan Johor sebagai FPA bawah Akta Perikanan 1963.
- Pengisytiharan Pulau Talang-Talang Besar, Pulau Talang-Talang Kecil dan Pulau Satang Besar sebagai FPA dengan penggubalan Akta Perikanan 1985

## 1987

- Majlis Penasihat Kebangsaan Taman Laut dan Rizab Laut telah ditubuhkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Akta Perikanan 1985
- Kumpulan Wang Amanah Taman Laut dan Rizab Laut telah ditubuhkan.

## 1989

- Pusat Taman Laut Pulau Payar, Kedah mula beroperasi



## 1990

- Pusat Taman Laut Pulau Redang, Terengganu mula beroperasi

## 1994

- Pewartaan 38 buah pulau di negeri Kedah, Terengganu, Pahang, Johor dan Wilayah Persekutuan Labuan di bawah Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia 1994.
- Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia (Pulau Payar) 1989 adalah dibatalkan.
- Pusat Taman Laut Pulau Tioman, Pahang mula beroperasi.



# KRONOLOGI PENUBUHAN DAN PERISTIWA PENTING JABATAN TAMAN LAUT MALAYSIA

## 1998

- Pulau Nyireh dan Pulau Tenggol di Terengganu telah diwartakan sebagai Taman Laut di bawah Perintah Penubuhan Taman Laut 1994 (Pindaan) 1998 yang menjadikan bilangan Taman Laut di Malaysia sebanyak 40 buah.
- Fi Pemuliharaan Taman Laut diwujudkan.



## 1999

- Pusat Taman Laut Pulau Tinggi, Johor mula beroperasi.



## 2000

- Pindaan Perintah Penubuhan Taman Laut 1994: batasan Taman Laut Pulau Kuraman dipinda dari dua (2) batu nautika kepada satu (1) batu nautika dari tikas air surut.

## 2003

- Pusat Taman Laut Pulau Redang, Terengganu mula beroperasi.



## 2004

- Bahagian Taman Laut dan Perikanan Rekreasi Jabatan Perikanan Malaysia telah dipindahkan ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) sebagai Seksyen Taman Laut dengan kekuatan 86 perjawatan kader.
- Visi, Misi, Objektif dan Fungsi Seksyen Taman Laut dibentuk di bawah Kementerian NRE.



## 2006

- Pada 14 Jun 2006, Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan sebuah jabatan baru yang bertanggungjawab mengurus dan mentadbir kawasan-kawasan Perlindungan Marin Negara terutamanya kawasan Taman Laut Malaysia. Jabatan ini dikenali dengan nama Jabatan Taman Laut Malaysia.



**2007**

- Melalui Waran Perbendaharaan E.51 Tahun 2007, Perbendaharaan telah meluluskan penubuhan Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) dengan pewujudan 154 jawatan baru pelbagai skim perkhidmatan dan gred sebagai tambahan kepada 86 jawatan sedia ada. Kelulusan pertambahan jawatan-jawatan baru ini menjadikan keseluruhan perjawatan JTLM berjumlah 240 jawatan.

**2008**


- Pada 04 Feb 2008, perairan Pulau Yu Kecil dan Pulau Yu Besar di Negeri Terengganu telah diwartakan sebagai Taman Laut menjadikan jumlah keseluruhan perairan pulau yang telah diwartakan adalah sebanyak 42 buah pulau.
- Ketua Pengarah Pertama Jabatan Taman Laut Malaysia dilantik iaitu Tuan Haji Abdul Jamal bin Mydin.

**2010**

- Ketua Pengarah Kedua Jabatan Taman Laut Malaysia dilantik iaitu Y. Bhg. Dato' Dr. Sukarno bin Wagiman.
- Kejadian kelunturan karang berleluasa yang direkodkan pertama kalinya secara saintifik di Malaysia oleh Jabatan Taman Laut Malaysia.

**2012**

- Pengemaskinian nama pulau-pulau yang mana perairannya diwartakan sebagai Taman Laut melalui Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia (Pindaan) 2012. Pindaan ini dibuat kerana didapati terdapat nama pulau-pulau yang diwartakan tidak selaras dengan nama rasmi pulau-pulau tersebut.
- Ekspedisi biodiversiti marin pertama Jabatan Taman Laut Malaysia dianjurkan dengan kerjasama MOSTI, dan universiti-universiti tempatan. Ekspedisi saintifik ini dilaksanakan di perairan Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

**2015**

- Malaysia diterima sebagai ahli International Coral Reef Initiative di mana Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Jabatan Taman Laut Malaysia sebagai *focal point*.

**2017**

- Perintah Fi (Taman Laut Malaysia) 2017 mula berkuatkuasa.
- Pindaan terhadap Kadar Fi Pemuliharaan serta Fi Aktiviti diperkenalkan.









## PUNCA KUASA



## PUNCA KUASA

### AKTA PERIKANAN 1985 (AKTA 317)

Pegawai-pegawai di JTLM diturunkan kuasa untuk menguatkuasakan Bahagian IX Taman Laut dan Rizab Laut, Akta Perikanan 1985 (Akta 317) berkenaan Taman Laut dan Rizab Laut. Menurut Seksyen 25 (b) Akta Perikanan 1985, mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan jika tiada penalti khas di peruntukkan berhubungan dengannya, orang itu boleh dalam segala hal lain, dikenakan denda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Jadual 2: Undang-undang dan Peraturan Taman Laut**

SEKSYEN	PERKARA
Seksyen 41	Penubuhan Taman Laut dan Rizab Laut
Seksyen 41A	Penubuhan Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Taman Laut dan Rizab Laut dan Keanggotaan
Seksyen 41B	Fungsi Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Taman Laut dan Rizab Laut
Seksyen 42	Kuasa dan Tanggungjawab Ketua Pengarah
Seksyen 43	<p><b>Kesalahan kerana melakukan perbuatan-perbuatan tertentu tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>menangkap ikan atau cuba menangkap ikan;</li> <li>mengambil, mengalih atau memiliki mana-mana haiwan akuatik atau tumbuhan akuatik atau sebahagian daripadanya, sama ada yang hidup atau mati;</li> <li>memungut atau memiliki mana-mana karang, mengorek atau mengeluarkan mana-mana pasir atau batu kelikir, membuang atau meletakkan apa-apa pencemar, mengubah atau memusnahkan tapak pembiak-baik semula jadi atau habitat hidupan akuatik, atau memusnahkan mana-mana hidupan akuatik;</li> <li>membina atau mendirikan apa-apa bangunan atau lain-lain binaan atas atau yang merintang mana-mana tanah atau perairan dalam sesuatu taman laut atau rizab laut;</li> <li>melabuhkan mana-mana vesel dengan menjatuhkan apa-apa jenis pemberat, atau dengan menyangkut apa-apa jenis tali atau rantai, kepada mana-mana karang, batu atau lain-lain benda yang timbul;</li> <li>memusnahkan, mencacatkan atau mengalih apa-apa benda, sama ada bernyawa atau tidak bernyawa, dalam taman laut dan rizab laut.</li> </ul>
Seksyen 44	<p><b>Larangan mutlak terhadap senjata-senjata tertentu</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Melarang penggunaan atau pemilikan senjata seperti berikut di dalam Taman Laut: <ul style="list-style-type: none"> <li>Apa jua senapang angin, serampang, kelengkapan melembing ikan, tempuling atau senapang sedutan; atau</li> <li>Apa jua jenis senjata lain yang berkemungkinan berbahaya kepada hidupan tumbuhan akuatik, hidupan haiwan akuatik atau struktur terumbu karang.</li> </ul> </li> </ul>
Seksyen 45	Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan

## PERINTAH FI (TAMAN LAUT MALAYSIA) 2017

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 3 dan 10 Akta Fi 1951 (Akta 209), Yang di -Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

### 1. Nama dan permulaan kuat kuasa

Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Fi (Taman Laut Malaysia) 2017. Perintah ini mula berkuat kuasa pada 3 Januari 2017

### 2. Tafsiran

Dalam Perintah ini –

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Jabatan Taman Laut Malaysia  
 “Taman Laut Malaysia” ertinya mana-mana pulau yang ditubuhkan sebagai Taman Laut Malaysia di bawah Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia 1994 [P.U. (A) 401/1994].

### 3. Fi

- Fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama hendaklah dikenakan oleh Ketua Pengarah untuk kemasukan ke mana-mana Taman Laut Malaysia berkenaan dengan kategori pelawat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.
- Fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua hendaklah dikenakan oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan aktiviti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua yang dijalankan oleh seseorang di mana-mana Taman Laut Malaysia tertakluk kepada apa-apa undang-undang.
- Fi untuk kemasukan ke mana-mana Taman Laut Malaysia tidak dikenakan ke atas kategori yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga jika dokumen yang mencukupi ditunjukkan sebagai bukti pengenalan diri kepada pegawai Jabatan Taman Laut Malaysia.

### 4. Pembayaran Fi

- Fi yang ditetapkan di bawah Perintah ini hendaklah kena dibayar kepada Ketua Pengarah.
- Semua Fi yang dikutip di bawah Perintah ini hendaklah kena dibayar oleh Ketua Pengarah dan dimasukkan olehnya ke dalam Kumpulan Wang Amanah Taman Laut dan Rizab Laut di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 [Akta 61].

### 5. Peremitan

Ketua Pengarah boleh, menurut budi bicaranya dalam mana-mana hal tertentu, meremitkan keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana fi yang ditetapkan di bawah Perintah ini.

### 6. Pembatalan

Perintah Fi (Taman Laut Malaysia) 2003 [P.U. (A) 266/2003] yang disiarkan pada 17 Julai 2003 dibatalkan.

**Jadual 3 : Jadual Kadar Fi Pemuliharaan Taman Laut**

KATEGORI PELAWAT/FI			
Pemegang MyKad		Bukan Pemegang MyKad	
Dewasa kecuali warga emas 60 tahun dan ke atas	<b>RM 5.00</b>	Dewasa kecuali warga emas 60 tahun dan ke atas	<b>RM 30.00</b>
Kanak-kanak dari 6 hingga 12 tahun dan warga emas 60 tahun dan ke atas	<b>RM 2.00</b>	Kanak-kanak dari 6 hingga 12 tahun dan warga emas 60 tahun dan ke atas	<b>RM 15.00</b>
Orang kurang upaya	<b>Percuma</b>	Orang kurang upaya	<b>Percuma</b>

**Jadual 4 : Jadual Kadar Fi Aktiviti**

BIL	JENIS AKTIVITI	KADAR FI
1	Berkhemah	RM 10.00 satu malam bagi setiap tapak (terhad kepada empat orang)
2	Kajian	RM 200.00 bagi setiap kajian dan deposit RM 500.00
3	Penggambaran komersial/ dokumentari	RM 100.00 sehari bagi setiap penggambaran
4	Selam skuba	RM 150.00 sebulan bagi setiap pengusaha
5	Pelayaran/bermudik	RM 100.00 sekali masuk bagi setiap kapal layar/kapal peranginan

**Jadual 5 : Jadual Pengecualian Fi Pemuliharaan**

BIL	KATEGORI	DOKUMEN BAGI BUKTI PENGENALAN DIRI
1	Penduduk kampung bagi kemasukan ke tempat tinggalnya di suatu Taman Laut Malaysia	Kad Pengenalan/perakuan kelahiran yang menunjukkan alamat tempat tinggalnya di suatu Taman Laut Malaysia
2	Pegawai agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri bagi kemasukan ke pejabatnya di suatu Taman Laut Malaysia	Dokumen pengenalan pejabat
3	Pengusaha/pekerja tempat peranginan bagi kemasukan ke tempat kerjanya di suatu Taman Laut Malaysia	Pas yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah
4	Pengusaha/pekerja selam skuba bagi kemasukan ke tempat kerjanya di suatu Taman Laut Malaysia	Pas yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah
5	Pekerja/pengusaha apa-apa perniagaan/tred bagi kemasukan ke tempat perniagaannya/trednya di suatu Taman Laut Malaysia	Pas yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah
6	Program biodiversiti marin berhubung dengan tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dijalankan oleh agensi Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri/badan bukan kerajaan/entiti swasta/sektor swasta/sukarelawan	Surat kelulusan Ketua Pengarah
7	Penyelidik yang menjalankan kajian bagi pihak Ketua Pengarah	Surat kelulusan Ketua Pengarah

## SOALAN LAZIM FI PEMULIHARAAN

### FAQ Fi Pemuliharaan

#### Apa itu Fi Pemuliharaan, FP?

Merupakan satu bentuk Fi yang dikenakan ke atas semua pelawat yang mengunjungi Taman Laut Malaysia.

#### Mengapa pelawat dikenakan FP ?

FP merupakan salah satu konsep *polluters pay* di mana dalam satu ekosistem yang tanpa aktiviti manusia, sesuatu habitat marin akan kekal, namun sekiranya terdapat aktiviti manusia seperti ekopelancongan, ekosistem tersebut akan mengalami gangguan. FP yang dikutip digunakan bagi tujuan pengurusan dan pemuliharaan Taman-taman Laut agar ekosistem marin tersebut kekal terpelihara.

#### Adakah semua pelawat dikenakan FP?

Ya. Semua pelawat ke Taman Laut perlu membayar FP. Pengecualian hanya akan diberikan kepada penduduk pulau, pengusaha chalet, pengusaha selam skuba dan kakitangan Kerajaan yang berpejabat di pulau yang mana perairannya diwartakan sebagai Taman Laut.

#### Bagaimana Fi yang dikutip akan dibelanjakan?

Semua sumbangan akan disalurkan untuk usaha-usaha berikut:

- Menaiktaraf dan penyelenggaraan semua kemudahan asas sedia ada dan menyediakan kemudahan-kemudahan baru di semua Pusat Taman Laut dan kawasan perairan Taman Laut.
- Menaiktaraf bahan pameran di semua Pusat Taman Laut untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian maklumat mengenai Taman Laut di Malaysia dan kepentingan pemuliharaan sumber marin
- Melaksanakan aktiviti-aktiviti rehabilitasi dan pemuliharaan seperti pembersihan pantai dan dasar laut, pengutipan Tapak Sulaiman Mahkota Berduri, dan perletakan tukun tiruan.
- Melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pemantauan kesihatan terumbu karang
- Menganjurkan dan menyertai program-program kesedaran awam.

#### Di mana tiket ini boleh didapati?

Tiket-tiket ini boleh dibeli di semua Pejabat Jabatan Taman Laut Negeri, Pusat-pusat Taman Laut dan di kaunter tiket di pintu masuk ke pulau Taman Laut.

#### Apakah bukti yang semua duit telah dikutip?

Setiap pembelian akan dikeluarkan sekeping tiket yang mempunyai no. siri yang tersendiri.

#### Berapa lama tempoh sah laku tiket?

Setiap tiket adalah sah bagi untuk sekali kemasukan.

#### Bolehkah saya menggunakan tiket yang sama untuk lawatan ke semua Taman Laut?

Ya. Tiket boleh digunakan di semua Taman Laut dengan syarat masih belum digoreskan.

#### Bolehkah tiket dibeli secara pukal dan menyimpannya sehingga lawatan ke Taman Laut?

Ya. Tiket boleh dibeli secara pukal dan akan dikira telah sah digunakan apabila tiket berkenaan digoreskan.

## PERINTAH PENUBUHAN TAMAN LAUT 1994 [ P.U (A) 121/1998], [P.U (A) 306/2000] , [P.U (A) 33/2008] dan [P.U (A) 260/2012]

### 1. Nama dan Berkuat kuasa

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 41 (1), Akta Perikanan 1985, Menteri membuat perintah yang dinamakan Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia 1994 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 15 Disember 1994.

### 2. Penubuhan Taman Laut

Pulau-pulau yang dinyatakan dalam Jadual Enam dan Ketujuh adalah ditubuhkan sebagai Taman Laut dan dikenali sebagai Taman Laut Malaysia. Had mana-mana kawasan atau sebahagian daripada kawasan yang ditubuhkan sebagai Taman Laut adalah pada jarak dua batu nautika arah laut dari titik terluar pulau-pulau yang dinyatakan dalam Jadual Keenam yang diukur pada tikas air surut. Manakala had mana-mana kawasan atau sebahagian daripada sesuatu kawasan yang ditubuhkan sebagai Taman Laut hendaklah pada jarak satu batu nautika arah laut dari titik terluar pulau yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh yang diukur pada tikas air surut.

**Jadual 6 : Jadual Kawasan Perairan Taman Laut (2 batu nautika)**

BIL	NAMA PULAU	NEGERI
1	Pulau Redang	Terengganu
2	Pulau Perhentian Kecil	Terengganu
3	Pulau Perhentian Besar	Terengganu
4	Pulau Lang Tengah	Terengganu
5	Pulau Susu Dara	Terengganu
6	Pulau Lima	Terengganu
7	Pulau Ekor Tebu	Terengganu
8	Pulau Pinang	Terengganu
9	Pulau Nyireh	Terengganu
10	Pulau Tenggol	Terengganu
11	Pulau Yu Besar	Terengganu
12	Pulau Yu Kecil	Terengganu
13	Pulau Tioman	Pahang
14	Pulau Labas	Pahang
15	Pulau Sepoi	Pahang
16	Pulau Jahat	Pahang
17	Pulau Tokong Bahara	Pahang



BIL	NAMA PULAU	NEGERI
18	Pulau Ceben	Pahang
19	Pulau Tulai	Pahang
20	Pulau Sembilang	Pahang
21	Pulau Seri Buat	Pahang
22	Pulau Rawa	Johor
23	Pulau Babi Hujung	Johor
24	Pulau Babi Tengah	Johor
25	Pulau Babi Besar	Johor
26	Pulau Tinggi	Johor
27	Pulau Aur	Johor
28	Pulau Pemanggil	Johor
29	Pulau Harimau	Johor
30	Pulau Goal	Johor
31	Pulau Mensirip	Johor
32	Pulau Sibul	Johor
33	Pulau Sibul Hujung	Johor
34	Pulau Mentinggi	Johor
35	Pulau Kacha	Kedah
36	Pulau Lembu	Kedah
37	Pulau Payar	Kedah
38	Pulau Segantang	Kedah

**Jadual 7 : Jadual Kawasan Perairan Taman Laut (1 batu nautika)**

BIL	NAMA PULAU	NEGERI
1	Pulau Kapas	Terengganu
2	Pulau Kuraman	Wilayah Persekutuan Labuan
3	Pulau Rusukan Besar	Wilayah Persekutuan Labuan
4	Pulau Rusukan Kecil	Wilayah Persekutuan Labuan





# PELAN STRATEGIK

---


## 2016-2020






## PELAN STRATEGIK 2016-2020

Pada tahun 2016, Jabatan telah menerbitkan Pelan Strategik yang merupakan dokumen perancangan jabatan bagi tempoh 2016-2020 dalam memulihara dan mengurus sumber biodiversiti marin selaras dengan fungsi penubuhan jabatan. Penerbitan ini diharapkan dapat dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalaman bagi mencapai visi dan misi yang ditetapkan. Pelan strategik ini digubal berlandaskan Objektif (O), Teras Strategik (TS), Objektif Teras Strategik (OTS) dan Tindakan (T).



# STRUKTUR PELAN STRATEGIK 2016-2020



### Ringkasan

3 Objektif (O)	31 Objektif Teras Strategik (OTS)
9 Teras Strategik (TS)	102 Tindakan (T)







# SUMBER MANUSIA

---



# SUMBER MANUSIA

## PERJAWATAN JABATAN TAMAN LAUT MALAYSIA

Jadual 7 : Perjawatan Mengikut Kumpulan

KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI									
BIL	NAMA JAWATAN	GRED	IBU PEJABAT	KEDAH	TERENGGANU	PAHANG	JOHOR	LABUAN	JUMLAH
1	Ketua Pengarah (JUSA C)	VU7	1	-	-	-	-	-	1
<b>JUMLAH</b>			<b>1</b>						<b>1</b>



## KUMPULAN PENGURUSAN &amp; PROFESIONAL


BIL	NAMA JAWATAN	GED	IBU PEJABAT	KEDAH	TERENGGANU	PAHANG	JOHOR	LABUAN	JUMLAH
2	Pegawai Taman Laut/ Pegawai Perikanan	G54	1	-	-	-	-	-	1
3	Pegawai Taman Laut/ Pegawai Perikanan	G52	2	-	-	-	-	-	2
4	Pegawai Taman Laut/ Pegawai Perikanan	G48	3	-	-	-	-	-	3
5	Pegawai Taman Laut/ Pegawai Perikanan	G44	2	1	1	1	1	-	6
6	Pegawai Taman Laut/ Pegawai Perikanan	G41/44	6	-	1	1	1	-	9
7	Pegawai Taman Laut/ Pegawai Perikanan	G41	-	-	-	-	-	1	1
8	Pegawai Tadbir & Diplomatik	M48	1	-	-	-	-	-	1
9	Pegawai Tadbir & Diplomatik	M44	1	-	-	-	-	-	1
10	Pegawai Tadbir & Diplomatik	M41/44	2	-	-	-	-	-	2
11	Pegawai Penyelidik	Q41-Q54	1	-	-	-	-	-	1
12	Jurutera	J48	1	-	-	-	-	-	1
13	Jurutera	J44	1	-	-	-	-	-	1
14	Jurutera	J41/44	1	-	-	-	-	-	1
15	Akauntan	W41/44	1	-	-	-	-	-	1
16	Pegawai Teknologi Maklumat	F41/44	1	-	-	-	-	-	1
<b>JUMLAH</b>			<b>24</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>32</b>

KUMPULAN PELAKSANA GRED 1-40									
BIL	NAMA JAWATAN	GRED	IBU PEJABAT	KEDAH	TERENGGANU	PAHANG	JOHOR	LABUAN	JUMLAH
17	Pen.Peg Teknologi Maklumat	F29/32	1	-	-	-	-	-	1
18	Pen.Pegawai Taman Laut/ Perikanan	G36	1	-	-	-	-	-	1
19	Pen.Pegawai Taman Laut/ Perikanan	G32	-	-	1	-	1	-	2
20	Pen.Pegawai Taman Laut Perikanan	G29/32	2	1	1	1	1	1	7
21	Pembantu Taman Laut/ Pembantu Perikanan	G26	2	-	1	-	1	-	4
22	Pembantu Taman Laut/ Pembantu Perikanan	G22	2	1	3	2	2	1	11
23	Pembantu Taman Laut/ Pembantu Perikanan (TBK 13 Tahun)	G19/22	6	4	11	7	6	4	38
24	Penolong Akauntan (TBK 13 Tahun)	W29/32	1	-	-	-	-	-	1
25	Penolong Akauntan, Khas Untuk Penyandang. Jawatan Hakiki Pembantu Akauntan, Gred W19/22 (TBK 13 Tahun)	W29	1	-	-	-	-	-	1
26	Penolong Akauntan, Khas Untuk Penyandang. Jawatan Hakiki Pembantu Tadbir (Kewangan), Gred W19/22 (TBK 13 Tahun)	W29	1	-	-	-	-	-	1
27	Pembantu Akauntan	W22	1	-	-	-	-	-	1
28	Pembantu Akauntan (TBK 13 Tahun)	W19/22	1	-	-	-	-	-	1
29	Pembantu Tadbir (Kewangan) (TBK 13 Tahun)	W19/22	1	-	-	-	-	-	1
30	Penolong Pegawai Tadbir (TBK 13 Tahun)	N29/32	1	-	-	-	-	-	1
31	Pembantu Khas, Pembantu Setiausaha Pejabat/ Setiausaha Pejabat	N19-N30	1	-	-	-	-	-	1
32	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	2	-	-	-	-	-	2

## KUMPULAN PELAKSANA GRED 1-40 (sambungan)

BIL	NAMA JAWATAN	GRED	IBU PEJABAT	KEDAH	TERENGGANU	PAHANG	JOHOR	LABUAN	JUMLAH
33	Pembantu Khas, Pembantu Setiausaha Pejabat/ Setiausaha Pejabat	N19-N22	1	-	-	-	-	-	1
34	Pembantu Tadbir (P/O) (TBK 13 Tahun)	N19/22	4	1	2	1	1	-	9
35	Pembantu Laut	A22	-	2	2	2	1	1	8
36	Pembantu Laut (TBK 13 Tahun)	A19/22	3	14	27	24	22	8	98
37	Kelasi/Jurumudi, KUP A1/ A3/A4	A1/A3/A4	-	-	2	1	-	-	3
38	Pembantu Awam (TBK 13 Tahun)	H11/14	-	5	6	2	2	-	15
39	Pembantu Awam, Gred H11 KUP, Jawatan Hakiki Pembantu Awam, Gred H14	H11/14	-	-	1	-	1	-	2
40	Pekerja Awam, Gred R1/ R4 (TBK 13 Tahun) Jawatan Jumud, Khas Untuk Penyandang, Jawatan Hakiki Pembantu Awam, Gred H11/ H4 (TBK 13 Tahun)	R1/ R4	-	-	1	-	-	-	1
41	Pembantu Operasi	N11/14	1	-	-	-	-	-	1
42	Pembantu Operasi Gred N11, KUP Jawatan Hakiki Pembantu Operasi Gred N14	N11	-	-	1	-	-	-	1
43	Pemandu Kenderaan Gred H11/H14 (TBK 13 Tahun)	H11/14	2	1	2	-	1	-	6
44	Pemandu Kenderaan, Gred R3/R6 (TBK 13 Tahun) Jawatan Jumud, Khas Untuk Penyandang. Jawatan Hakiki Pemandu Kenderaan, Gred H11/14 (TBK 13 Tahun)	R3/R6	-	-	-	1	-	-	1
<b>JUMLAH</b>			<b>35</b>	<b>29</b>	<b>61</b>	<b>41</b>	<b>39</b>	<b>15</b>	<b>220</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>61</b>	<b>29</b>	<b>63</b>	<b>43</b>	<b>41</b>	<b>16</b>	<b>253</b>

Rajah 1 : Trend Perjawatan Seksyen Taman Laut/Jabatan Taman Laut Malaysia (2004-2016)




Rajah 1

Jadual 8: Status Pengisian Perjawatan Tetap

KUMPULAN	JUMLAH	PENGISIAN	PERATUS PENGISIAN %
Pengurusan Tertinggi	1	1	100%
Pengurusan dan Profesional	32	28	87.5%
Pelaksana	220	207	94.1%
<b>JUMLAH</b>	<b>253</b>	<b>236</b>	<b>93.9%</b>

# CARTA ORGANISASI



Rajah 2

## PERANAN BAHAGIAN DI IBU PEJABAT

### Bahagian Pendidikan dan Interpretasi Maklumat (BPIM)

Merancang dan melaksanakan program peningkatan kesedaran awam

### Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)

Menyediakan perkhidmatan dalam Pengurusan Sumber Manusia, Pentadbiran Am dan Kewangan jabatan

### Bahagian Perancangan dan Pengurusan Taman Laut (BPPTL)

Menyediakan perkhidmatan dalam perancangan, pelaksanaan dasar-dasar dan polisi jabatan pengurusan Taman Laut terutamanya yang berkaitan ekopelancongan dan ekosistem marin

### Bahagian Pembangunan dan Kejuruteraan (BKEJ)

Menyediakan perkhidmatan merancang, menganalisis serta mengendalikan projek pembangunan termasuk menyelaras dan memantau perjalanan projek pembangunan

### Bahagian Penyelidikan dan Inventori Sumber (BPIS)

Menyediakan perkhidmatan perancangan dan pengurusan penyelidikan, kajian kesihatan habitat termasuk pengkajian EIA serta usaha sama penyelidikan

### Bahagian Konservasi Biodiversiti Marin (BKBM)

Menyediakan perkhidmatan pemantauan, penguatkuasaan dan pengawalseliaan termasuk pengeluaran lesen dan permit untuk penyelidikan/aktiviti yang dijalankan di Taman Laut











# PERUNTUKAN DAN PRESTASI PERBELANJAAN



# PERUNTUKAN DAN PRESTASI PERBELANJAAN

## PERUNTUKAN AND PERBELANJAAN PERUNTUKAN MENGURUS

Jadual 10 : Peruntukan dan Prestasi Belanja Mengurus 2007-2016

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	BAKI (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
2007	4,890,900.00	4,407,982.85	482,917.15	90.13
2008	5,985,100.00	6,262,798.14	277,698.14	104.64
2009	9,343,100.00	8,739,741.32	603,358.68	93.54
2010	9,599,838.00	9,592,145.00	7,693.00	99.92
2011	12,839,850.00	12,807,397.58	32,452.42	99.75
2012	10,669,100.00	8,102,309.55	2,566,790.45	75.94
2013	13,771,000.00	13,770,568.35	431.65	100.00
2014	20,301,400.00 (ditarik 4,344,440.00)	15,660,926.89	285,441.40	98.14
2015	14,957,720.00	14,957,714.30	5.70	100.00
2016	15,327,400.00	15,365,697.92	(8,297.92)	100.05
<b>JUMLAH</b>	<b>117,685,408.00</b>	<b>109,667,281.90</b>	<b>4,248,490.67</b>	<b>96.211</b>

## FI PEMULIHARAAN DAN PERBELANJAAN TABUNG AMANAH TAMAN LAUT DAN RIZAB LAUT

Jadual 11 : Jumlah Kutipan Fi Pemuliharaan dan Jumlah Perbelanjaan dari Tahun 2012 hingga 2016 Mengikut Negeri

TAHUN	IBU PEJABAT	KEDAH	TERENGGANU	PAHANG	JOHOR	WP LABUAN	JUMLAH KUTIPAN FI PEMULIHARAAN	JUMLAH PERBELANJAAN
	Kutipan Fi	Kutipan Fi	Kutipan Fi	Kutipan Fi	Kutipan Fi	Kutipan Fi		
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
2012	93,051.00	351,605.00	801,515.00	155,290.00	304,120.00	-	1,705,581.00	2,534,583.38
2013	181,652.00	654,911.00	1,061,354.00	219,825.00	389,740.00	-	2,507,482.00	3,928,968.06
2014	124,912.00	576,776.00	1,163,626.00	137,350.00	560,243.00	-	2,562,907.00	4,382,278.67
2015	53,226.00	528,449.00	1,078,206.00	161,035.00	590,657.00	-	2,411,573.00	4,562,467.02
2016	16,555.00	601,611.00	1,120,451.00	249,560.00	544,205.00	390	2,532,772.00	5,082,175.40
<b>JUMLAH (RM)</b>	<b>469,396.00</b>	<b>2,713,352.00</b>	<b>5,225,152.00</b>	<b>923,060.00</b>	<b>2,388,965.00</b>	<b>390.00</b>	<b>11,720,315.00</b>	<b>20,490,472.53</b>

## PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

Jadual 12 : Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan Projek-Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke 9

BIL	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN	PRESTASI PERBELANJAAN	
		RM	RM	%
1	Pembangunan dan Pengurusan Kawasan Perlindungan Marin dan Taman Laut	9,286,387.00	9,286,386.94	100.00
2	Pembangunan Pejabat Negeri, Daerah dan Pangkalan Hadapan Taman Laut	8,509,739.00	8,509,433.83	100.00
3	Pengambilan Tanah	219,800.00	219,795.00	100.00
4	Program Pembangunan Pengawalseliaan Sumber Marin	13,147,428.00	13,147,394.00	100.00
5	Pembentukan Pelan Pengurusan Taman Laut Malaysia	161,243.00	161,242.49	100.00
6	Pembangunan Sumber Manusia	908,926.00	908,924.30	100.00
7	Pusat Kecemerlangan Taman Laut	208,862.00	208,862.00	100.00
8	Program Pembangunan Sumber Nilai Biodiversiti, Ekonomi, Sains dan Sosial Ekosistem Marin	1,422,336.00	1,422,335.83	100.00
9	Peningkatan Kemudahan Penyelidikan dan Pemantauan	494,366.00	494,365.40	100.00
10	Pembinaan Kemudahan Kuarters	4,000.00	4,000.00	100.00
11	Kemudahan Utiliti, Peralatan dan Perhubungan	3,097,904.00	3,097,081.83	99.97
12	Program Pendidikan, Kesedaran Awam dan Kesihatan Taman Laut	1,344,129.00	1,344,129.00	100.00
13	Pemuliharaan dan Pembaikpulih Habitat	1,544,880.00	1,544,856.05	100.00
<b>JUMLAH</b>		<b>40,350,000.00</b>	<b>40,348,806.67</b>	<b>100.00</b>

**Jadual 13 : Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan Projek-Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke 10**

BIL	NAMA PROJEK	SILING / PERUNTUKAN	PRESTASI PERBELANJAAN	
		RM	RM	%
1	Kajian Kesihatan Ekosistem Marin Taman Laut (Fasa 2)	5,721,800.00	5,673,705.42	99.16%
2	Pembinaan Bot dan Perolehan Kelengkapan Unsur Laut	20,252,000.00	20,145,748.27	99.48%
3	Perolehan Peralatan ICT, Pembangunan Sistem dan Pangkalan Data	2,599,000.00	2,593,174.08	99.78%
4	Pembangunan Komuniti dan Kesedaran Awam	2,000,000.00	1,930,855.39	96.54%
5	Pembentukan Pelan <i>Alternative Livelihood</i> Penduduk Tempatan	3,937,720.00	3,899,183.70	99.02%
6	Bayaran Tanah dan Kerja-kerja Awalan Tulai, Pulau Tioman, Pahang	66,000.00	65,663.00	99.49%
7	Bayaran Tanah dan Kerja-kerja Awalan Kuala Besut	69,280.00	69,252.62	99.96%
8	Bayaran Tanah dan Kerja-kerja Awalan Kuala Terengganu	77,000.00	22,141.76	28.76%
9	Bayaran Tanah dan Kerja-kerja Awalan Marang	55,000.00	54,900.00	99.82%
10	Bayaran Tanah dan Kerja-kerja Awalan Dungun	31,000.00	31,000.00	100%
11	Bayaran Tanah dan Kerja-kerja Awalan Rompin	10.00	-	0
12	Bayaran Tanah dan Kerja-kerja Awalan Mersing	128,000.00	112,490.00	87.88%
13	Kajian Pemuliharaan Biodiversiti Marin di Taman Laut	500,000.00	491,737.70	98.35%
14	Projek Menaiktaraf Kemudahan Dan Infrastruktur Pusat Taman Laut Negeri	4,790,000.00	4,628,764.81	96.63%
15	Bayaran Tanah dan Kerja-kerja Awalan WP Labuan	10.00	-	0
<b>JUMLAH</b>		<b>40,226,820.00</b>	<b>39,718,616.75</b>	<b>98.74%</b>

**Jadual 14 : Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan Projek-Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Ke 11 (2016)**

BIL	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN	PRESTASI PERBELANJAAN 2016	
		RM	RM	%
003 0001	Pentaksiran (Biodiversiti, Nilai Kesihatan) Sumber Marin	1,580,000.00	1,580,000.00	100.00%
004 0001	Perolehan Bot dan Pemerkasaan Konservasi Biodiversiti Marin	4,570,000.00	4,570,000.00	100.00%
015 0001	Peningkatan Kapasiti Infrastruktur dan Fasiliti Taman Laut	4,361,000.00	4,358,020.71	99.93%
021 0001	Restorasi dan Rehabilitasi Kawasan yang Mengalami Degradasi dan Spesies yang Berisiko Terancam	350,000.00	350,000.00	100.00%
<b>JUMLAH</b>		<b>10,861,100.00</b>	<b>10,858,020.71</b>	<b>99.97%</b>







# KERJASAMA DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA



# KERJASAMA DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

## CORAL TRIANGLE INITIATIVE (CTI)

### PENGENALAN

Kawasan Segitiga Terumbu Karang yang merupakan titik pertemuan antara Lautan Hindi dan Lautan Pasifik adalah penempatan kepada 30% daripada terumbu karang sedunia mewakili 75% daripada spesies-spesies yang diketahui yang meliputi kawasan laut dan perairan seluas 6 juta kilometer persegi di Selatan Asia dan Barat Pasifik.


### INISIATIF SEGI TIGA TERUMBU KARANG

Konsep CTI dicetuskan oleh Presiden Republik Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono semenjak tahun 2007 untuk menyelamatkan kawasan terumbu karang, paya bakau dan ikan yang dianggap sebagai kawasan penumpuan kepelbagaian biologi marin yang paling tinggi di dunia.

Sidang kemuncak CTI telah diadakan pada 15 Mei 2009 turut dihadiri oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dan diiringi oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YB Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili.







## PENYERTAAN 6 NEGARA:

- Indonesia
- Malaysia
- Papua New Guinea
- Filipina
- Timor Leste
- Kepulauan Solomon

## MATLAMAT UTAMA PELAN TINDAKAN KEBANGSAAN INISIATIF SEGITIGA TERUMBU KARANG

- Kawasan perairan yang berkeutamaan tinggi dikenal pasti dan diuruskan secara efektif
- Pengurusan sumber perikanan dan sumber marin yang lain melalui pendekatan ekosistem
- Mewartakan lebih banyak kawasan perlindungan marin dan menguruskannya secara efektif
- Mengadaptasi langkah-langkah menghadapi ancaman perubahan iklim
- Memulihkan status spesies terancam marin.

## BAY OF BENGAL LARGE MARINE ECOSYSTEM PROJECT (BOBLME)

### Pengenalan & Objektif Utama


Objektif projek adalah menyediakan platform asas untuk pelaksanaan program bersepadu antara negara-negara anggota bagi meningkatkan taraf hidup penduduk-penduduk persisiran pantai melalui pengurusan efektif Teluk Bengal. Projek tersebut bermula dalam tahun 2008 dan berakhir 2013 dengan dana sebanyak USD 31 juta. Namun demikian, projek tersebut telah diluluskan untuk dilanjutkan oleh Global Environment Facility tanpa melibatkan dana tambahan sehingga Mac 2015 memandangkan hasil projek yang memberansangkan dan perancangan aktiviti akan datang yang dilihat boleh memanfaatkan kelapan-lapan negara yang terlibat.

### Penyertaan 8 Negara

Projek Bay Of Bengal Large Marine Ecosystem (BOBLME) dilaksanakan oleh lapan negara yang terletak bersempadanan dengan Teluk Bengal (Bay of Bengal) iaitu Maldives, India, Sri Lanka, Bangladesh, Myanmar, Thailand, Indonesia dan Malaysia.

### Output Utama Projek

Output utama projek ini adalah Pelan Tindakan Strategik Serantau untuk menangani isu alam sekitar yang menjejaskan tahap kesihatan ekosistem serta sumber asli di Teluk Bengal.



# CONVENTION ON BIOLOGICAL DIVERSITY (CBD)

## PENGENALAN

Sumber biologi Bumi adalah penting untuk pembangunan ekonomi dan sosial manusia. Oleh yang demikian, kepelbagaian biologi telah diakui sebagai aset global yang amat bernilai. Pada masa yang sama, ancaman kepada spesies dan ekosistem semakin meningkat kerana kerakusan manusia dalam mengeksploitasi aset semulajadi ini. Kepupusan spesies yang disebabkan oleh aktiviti manusia berterusan pada kadar yang membimbangkan.

Menyedari ancaman ini serta pentingnya masyarakat dunia memulihara sumber biologi, maka Konvensyen Kepelbagaian Biologi (Convention on Biological Diversity, CBD) telah dizahirkan semasa United Nations Conference on Environment and Development (juga dikenali sebagai The Rio "Earth Summit") pada 5 Jun 1992. Pemimpin dunia bersetuju bahawa strategi komprehensif untuk pembangunan lestari adalah amat diperlukan bagi memastikan kelangsungan sumber biologi dunia.

Hasrat utama penubuhan Konvensyen ini adalah untuk memastikan pemuliharaan kepelbagaian biologi, menggalakkan penggunaan lestari serta akses dan perkongsiaan faedah yang saksama bagi menjamin kelestarian sumber biologi dunia. Sehingga kini, konvensyen ini mempunyai seramai 196 ahli Malaysia telah menjadi ahli sejak tahun 1994.

## OBJEKTIF

- Memulihara sumber biologi
- Menggalakkan penggunaan berkekalan kepelbagaian biologi
